

TEKS UCAPAN
YB DATUK DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM “CSR HEALTH AWARENESS AND
BLOOD DONATION CAMPAIGN 2016”**

MID VALLEY EXHIBITION CENTRE
29 APRIL 2016 (JUMAAT)

Bismillahirrahmannirrahim.

**YANG BERBAHAGIA PROF. DATUK SERI PADUKA DR.
SHAHARUDDIN AWANG YAHYA**

Presiden, Lembaga Pelindung dan Kebajikan Pengguna Malaysia
(LPKPM);

**YANG BERUSAHA PUAN NOORMAH BINTI DATO’ HAJI ABDUL
RAUF**

Timbalan Pengarah Operasi Jabatan Kebajikan Masyarakat, Wakil
daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;

YANG BERUSAHA ENCIK ANDY KOH

Ketua Pegawai Eksekutif San Wins Sdn. Bhd.;

YANG DIHORMATI ENCIK WILLIAM CHEONG WAI LUN

Pengarah Program “*CSR Health Awareness and Blood Donation
Campaign 2016*”;

Ahli Lembaga Pengarah LPKPM, Ahli-ahli Jawatankuasa Program CSR,
Media-media dan seterusnya para hadirin yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana di atas taufik dan inayah-Nya, dapat kita untuk bersama-sama pada hari yang berbahagia ini bagi menyempurnakan **Majlis**

Perasmian “CSR Health Awareness and Blood Donation Campaign 2016” ini.

2. Saya telah dimaklumkan bahawa program **“CSR Health Awareness and Blood Donation Campaign 2016”** ini telah dianjurkan buat julung-julung kalinya di Mid Valley Exhibition Centre. Walau pun ianya adalah kali pertama dianjurkan, sambutan yang diterima adalah amat menggalakkan daripada semua rakyat Malaysia khususnya yang berada di kawasan Lembah Klang dan Selangor. Kesedaran terhadap aspek kesihatan sebegini adalah seperti yang diharapkan oleh Kerajaan Malaysia agar rakyat kita akan dapat mengubah gaya hidup mereka ke arah yang kehidupan yang lebih sihat dan terjamin pada masa hadapan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Seperti semua sedia maklum, kempen ini yang dianjurkan secara bersama oleh LPKPM, The Star dan San Wins Sdn. Bhd. adalah bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada masyarakat untuk memperoleh ilmu baharu dalam bidang penjagaan kesihatan agar ianya boleh disampaikan kepada mereka yang tidak dapat untuk turut serta pada kali ini.

4. Saya telah dimaklumkan bahawa antara aktiviti-aktiviti yang telah dirancang adalah seperti pemeriksaan kesihatan oleh pihak Quantum Energy, program derma darah serta program-program kesedaran yang akan dijalankan untuk sepanjang 3 hari ini. Pihak Kerajaan amat menyambut baik program seumpama ini yang bermatlamat untuk memupuk kecenderungan serta minat masyarakat Malaysia supaya memberi perhatian yang serius terhadap ilmu pengetahuan berkaitan dengan cara dan gaya hidup yang sihat.

Hadirin dan hadirat sekalian,

5. Pada kesempatan ini, saya ingin menyatakan pengharapan saya agar program ini akan dapat mempromosikan budaya hidup yang sihat kepada semua lapisan masyarakat dan juga ianya untuk dianjurkan secara berkala pada setiap tahun. Saya percaya melalui program ini, para

pengunjung akan mendapat pendedahan berhubung keadaan kesihatan mereka selain akan dapat memahami kaedah atau pendekatan yang lebih efektif untuk menjaga kesihatan tubuh badan mereka dengan lebih baik.

6. Saya ingin melihat supaya program **“CSR Health Awareness and Blood Donation Campaign”** ini tidak akan terhenti setakat minggu ini sahaja dan diharapkan ianya akan menjadi pencetus kepada pembudayaan kesihatan masyarakat Malaysia yang berterusan. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada Lembaga Pelindung dan Kebajikan Pengguna Malaysia dan Syarikat San Wins Sdn. Bhd. kerana telah berjaya menganjurkan dengan jayanya program yang bertemakan **“We Take Care Your Health”** pada kali ini.

7. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada petang ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih atas komitmen serta kerjasama yang telah diberikan oleh tuan-tuan dan puan-puan bagi memastikan kempen ini akan berjaya mencapai objektif penganjurannya.

8. Justeru, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan ini saya merasmikan Program **“CSR Health Awareness and Blood Donation Campaign 2016”** ini.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.